

CNS6676

R GB 30-06 00164 BH900

bah

Mahathir - Bot

MALAYSIA BERPOTENSI JADI CARIBBEAN TIMUR, KATA MAHATHIR

I

SHAH ALAM, 30 Jun (Bernama) -- Keindahan pantai yang luas dan kepulauannya yang menakjubkan memungkinkan Malaysia menjadi "Caribbean di Sebelah Timur", kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, perairan Malaysia sesuai untuk sukan air dan oleh itu, pembangunan kawasan pantai perlu ditingkatkan.

"Kemudahan untuk berlabuh dan tambatan perlu untuk menggalakkan industri bot di Malaysia," kata beliau, pada perutusan dalam buku cenderamata Pameran Bot Antarabangsa Malaysia ke-3. Pameran itu yang akan berlangsung di Taman Tasik di sini dari 30 Jun hingga 4 Julai akan dirasmikan oleh Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Haji Muhammad Taib esok.

Dr Mahathir berkata bahawa sejak 1990, pemansuhan duti import terhadap bot telah memberi galakan kepada industri berkenaan untuk berkembang dan mencatatkan pertumbuhan.

"Untuk memastikan pertumbuhan yang berkesinambungan, pengeluar dan peniaga bot hendaklah memperkenalkan sukan itu di kalangan rakyat," kata beliau. -- Lagi

▼30/06/15-33MST

R GB 30-06 00113 BH901

bah

Mahathir - Bot 2 (Akhir) Shah Alam

Perdana Menteri berharap industri itu mewujudkan peluang bagi menjadikan Pameran Bot Antarabangsa Malaysia ke-3 sebagai landasan bagi mencapai matlamat dan kejayaan selanjutnya.

"Tidak syak lagi bahawa pameran itu akan memberi sumbangan ke arah pertumbuhan industri bot di negara ini," katanya.

Dalam perutusannya, Muhammad mahu industri berkenaan melenyapkan anggapan kononnya sukan itu hanya untuk golongan berada.

Beliau berkata, kalangan perniagaan harus memberi sumbangan bagi meningkatkan pertumbuhannya dengan menawarkan kepelbagaian barangan dan perkhidmatan itu.

Sebanyak 60 syarikat dari beberapa negara mempamerkan 90 bot pelbagai saiz selain peralatan sukan air. -- Bernama

MNY FAZ MAI